



SOALAN LAZIM (FAQ) SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

PEMAKLUMAN

1. Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh kerajaan bermula pada 18 Mac 2020, Bahagian SLDN telah menangguhkan beberapa aktiviti yang berkaitan dengan pentauliahan. Aktiviti yang tertangguh boleh dirujuk pada Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Proses Pentauliahan Pusat Bertauliah SLDN

Bil	Proses	Panduan Pelanggan
a	Permohonan Pentauliahan Program SLDN	<p>Terdapat empat jenis Permohonan Pentauliahan Program SLDN iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none">A. Program Baharu (Pentauliahan Baharu)B. Penambahan ProgramC. Pembaharuan ProgramD. Pindaan Maklumat Pentauliahan<ul style="list-style-type: none">i. Pindaan Nama PB SLDNii. Alamat PB SLDNiii. Pemilikan PB SLDNiv. Personel <p>Semua Permohonan Pentauliahan Program SLDN boleh dibuat di www.esldn.gov.my (eSLDN) sepanjang tempoh PKP. Semakan terhadap semua jenis permohonan pentauliahan dilakukan seperti biasa. Maklumbalas (kuri) permohonan boleh disemak di bahagian "I. Log" dalam akaun eSLDN pemohon.</p> <p>Peringatan: Permohonan Pembaharuan Pentauliahan perlu dikemukakan melalui eSLDN sekurang-kurangnya tiga (3) bulan, tetapi tidak lebih daripada enam (6) bulan sebelum tamat tempoh Pentauliahan.</p>
b	Lawatan Verifikasi Pentauliahan	<p>Semua lawatan verifikasi pentauliahan bagi permohonan yang telah lengkap ditangguhkan dalam tempoh PKP. Lawatan verifikasi akan dijadualkan semula selepas tempoh PKP (tertakluk kepada arahan selanjutnya).</p>
c	Kelulusan Pentauliahan	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal tidak dilakukan sepanjang tempoh PKP untuk syor kelulusan pentauliahan. Sehubungan itu, tiada kelulusan pentauliahan dikeluarkan semasa tempoh PKP.</p>
d	Pengeluaran Sijil Pentauliahan	<p>Tiada pengeluaran sijil dibuat sepanjang tempoh PKP.</p>

2. Penangguhan aktiviti yang dinyatakan dalam pemakluman ini adalah tertakluk kepada perubahan berdasarkan perkembangan yang akan dimaklumkan kelak dari semasa ke semasa.
3. Sebarang pertanyaan lanjut atau khidmat nasihat khusus sepanjang tempoh PKP boleh disalurkan ke esldn@mohr.gov.my dengan menyatakan maksud pertanyaan dengan jelas.

SOALAN LAZIM (FAQ)

KURIKULUM DAN PENTAULIAHAN SLDN

1. SEKIRANYA TEMPOH PENTAULIAHAN PROGRAM SAYA AKAN TAMAT DALAM TEMPOH PKP, APAKAH YANG AKAN TERJADI KEPADA PENTAULIAHAN SAYA?

Sekiranya tempoh pentauliahan program akan tamat dalam tempoh PKP, pihak tuan dimohon untuk membuat Permohonan Pentauliahan Program SLDN seperti yang dinyatakan dalam Proses 1 di atas.

2. ADAKAH PB SLDN MASIH TERIKAT DENGAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN PENTAULIAHAN HENDAKLAH DIBUAT SEKURANG-KURANGNYA TIGA (3) BULAN, TETAPI TIDAK LEBIH DARIPADA ENAM (6) BULAN SEBELUM TAMAT TEMPOH PENTAULIAHAN, WALAUPUN TEMPOH PKP MASIH BELUM BERAKHIR?

Ya, permohonan perlu dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) bulan, tetapi tidak lebih daripada enam (6) bulan sebelum tamat tempoh pentauliahan

3. TARIKH LAWATAN VERIFIKASI KE PREMIS SAYA TELAH DIJADUALKAN DALAM TEMPOH PKP DAN IANYA TELAH DITANGGUHKAN. ADAKAH LAWATAN TERSEBUT AKAN DITERUSKAN SEMULA?

Ya. Lawatan verifikasi akan dijadualkan semula selepas tempoh PKP kerana lawatan tidak boleh dibuat sepanjang tempoh PKP.

4. BILAKAH LAWATAN VERIFIKASI PENTAULIAHAN AKAN DILAKUKAN BAGI PERMOHONAN YANG DIKEMUKAKAN SEBELUM PKP BERKUATKUASA?

Semua permohonan yang dikemukakan sebelum tempoh PKP telah disemak oleh Pegawai yang berkaitan. Sekiranya permohonan yang diterima telah lengkap, lawatan akan dijadualkan setelah tamat PKP.

5. LAWATAN VERIFIKASI TELAH DIBUAT DI TEMPAT SAYA SEBELUM PKP. BILAKAH SAYA AKAN MENDAPAT KEPUTUSAN PENTAULIAHAN SAYA?

Kelulusan pentauliahan pihak tuan akan dikeluarkan selepas Panel Pentauliahan bersidang setelah tamat tempoh PKP. Rujuk Proses 3 di atas.

6. ADAKAH PB SLDN BOLEH MEMBUAT PENGIKLANAN PENGAMBILAN PERANTIS BAHARU MEMANDANGKAN SAYA TELAH MENGHANTAR PERMOHONAN PEMBAHARUAN 3 BULAN SEBELUM TARIKH TAMAT PENTAULIAHAN TETAPI TIADA KELULUSAN DIPEROLEHI DARIPADA JPK KERANA PKP BELUM TAMAT?

PB SLDN tidak boleh membuat pengiklanan sehingga program tersebut telah ditauliahkan semula oleh JPK.

OPERASI DAN PELAKSANAAN SLDN

SLDN BERINSENTIF RMKE-11 TAHUN 2020

1. ADAKAH PERMOHONAN BAGI AMBILAN PERANTIS SESI MEI 2020 MASIH DIBUKA DAN BILAKAH TARIKH AKHIR PERMOHONAN *ONLINE* SERTA PENGHANTARAN DOKUMEN FIZIKAL?

Memandangkan tempoh PKP dilanjutkan sehingga 28 April 2020, ambilan perantis pada sesi Mei dan Jun 2020 telah dibatalkan. Sehubungan itu semua permohonan ambilan sesi Mei dan Jun yang telah diterima akan dinilai bersama dengan permohonan ambilan sesi Julai 2020. Maklumat lanjut mengenai ambilan sesi Julai boleh dicapai melalui laman web www.dsd.gov.my

2. ADAKAH PERMOHONAN SLDN BERINSENTIF RMKE-11 TAHUN 2020 AKAN DIBUKA UNTUK AMBILAN SETERUSNYA?

Ya. Permohonan SLDN Berinsentif RMKe-11 akan terus dibuka. Pemohonan adalah secara atas talian. Sila layari portal JPK melalui www.dsd.gov.my untuk pengisian borang permohonan (pilih PERKHIDMATAN → pilih SLDN → pilih SLDN RMK11).

Ambilan seterusnya adalah untuk sesi Julai 2020. Bagaimanapun ambilan sesi Julai ini adalah tertakluk kepada arahan penamatan PKP dan apa-apa arahan yang berkaitan oleh Kerajaan Malaysia dari masa ke semasa.

3. TARIKH AKHIR PENDAFTARAN PERANTIS SESI LATIHAN MAC BAGI SLDN BERINSENTIF RMKE11 ADALAH PADA 31 MAC, ADAKAH JPK AKAN MELANJUTKAN TARIKH TERSEBUT?

Tarikh akhir pendaftaran perantis sesi Mac dilanjutkan hingga 30 April 2020. Memandang sesi latihan telah bermula pada 1 Mac sebelum PKP dilaksanakan, PB hendaklah segera membuat pendaftaran melalui eSLDN bagaimanapun bayaran bayaran fi boleh dibayar setelah tamat tempoh PKP

4. SYARIKAT SAYA TELAH MENJALANKAN PROGRAM SLDN BERINSENTIF RMKE-11, ADAKAH TEMPOH LATIHAN PERLU DITAMBAH MEMANDANGKAN PERANTIS DIBERI CUTI SELAMA HAMPIR 4 MINGGU?
Ya, pihak tuan hendaklah menambahkan masa latihan bagi memenuhi jumlah masa atau jumlah jam latihan yang ditetapkan bagi sesuatu program.
5. ADAKAH PERLU DIBUAT PENGGANTIAN HARI LATIHAN BAGI KUMPULAN PERANTIS YANG AKAN TAMAT PADA 30 APRIL 2020?
Ya, pihak tuan masih perlu membuat penggantian hari latihan bagi memastikan jumlah masa atau jumlah jam latihan mencukupi seperti yang ditetapkan untuk sesuatu program.
6. BAGAIMANA CARA PENGIRAAN PERATUS KEHADIRAN BAGI BULAN MAC 2020 BAGI TUJUAN TUNTUAN INSENTIF?
Sila Rujuk lampiran 4.1. Prosedur Tuntutan SLDN Berinsentif RMKe-11. Cuti umum diganti dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
7. ADAKAH TUNTUTAN INSENTIF BAGI BULAN FEBRUARI DAN MAC BOLEH DILAKUKAN SELEPAS 28 APRIL 2020?
Ya, disebabkan oleh PKP, tuntutan bagi bulan Februari dan Mac yang sepatutnya dihantar selewatnya pada 5 April 2020 hendaklah dihantar ke pejabat JPK Wilayah selewat-lewatnya 7 hari dari tarikh tamat PKP.

PENDAFTARAN PERANTIS

1. ADAKAH JPK MENETAPKAN TARIKH UNTUK PENDAFTARAN AMBILAN BAHARU BAGI PROGRAM SLDN SELAIN DARIPADA SLDN BERINSENTIF RMKE-11 SELEPAS TAMAT PKP?
Tidak. PB boleh mendaftar perantis ambilan baharu pada bila-bila masa selepas tamat PKP. Bagaimanapun PB hendaklah mematuhi sebarang peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia semasa membuat pegambilan perantis baharu.
Keputusan untuk pembukaan semula sesebuah PB hendaklah dibuat setelah PB benar-benar yakin keadaan telah kembali pulih. Operasi sesuatu PB juga hendaklah memberi keutamaan dalam aspek keselamatan, kebersihan, dan pengawalan penularan jangkitan termasuklah amalan penjarakan sosial.
2. ADAKAH JPK MEMBENARKAN PEMBAYARAN PENDAFTARAN SECARA *ONLINE*?
Tidak, JPK belum mempunyai kemudahan pembayaran secara *online*. Pembayaran adalah secara manual iaitu melalui Bank Deraf atau Kiriman Wang.

3. BOLEHKAH PERMOHONAN PENDAFTARAN PERANTIS DIBUAT SECARA *ONLINE* DALAM TEMPOH PKP TANPA MENYERTAKAN SALINAN BANK DERAH ATAU KIRIMAN WANG DAN POLISI INSURAN?

Boleh, bayaran fi boleh dibayar setelah tamat tempoh PKP. PB juga boleh memuat naik salinan bank derah atau resit bayaran dan salinan polisi insuran perantis selepas tamat PKP. JPK akan memproses semua permohonan pendaftaran selepas tamat tempoh PKP.

PELAKSANAAN LATIHAN

1. BOLEHKAH JADUAL PELAKSANAAN LATIHAN DIUBAH DARIPADA *DAY RELEASE* KEPADA *BLOCK RELEASE* SUPAYA PIHAK PUSAT LATIHAN BOLEH MEMBERI KEUTAMAAN DALAM LATIHAN TEORI SECARA *ONLINE* SAHAJA SEPANJANG TEMPOH PKP?

Boleh. Sekiranya latihan teori dilaksanakan sepanjang tempoh PKP tiada tambahan masa atau jam latihan diperlukan. Bagaimanapun Pusat Latihan hendaklah dapat menunjukkan bukti bahawa latihan dan penilaian bagi CU yang terlibat telah dilakukan sepanjang tempoh tersebut.

2. ADAKAH WAKTU PEMBELAJARAN DALAM TALIAN BERLANGSUNG MENGIKUT JADUAL KULIAH BIASA SECARA BERSEMUKA?

Perantis dan pengajar dibenarkan menjalani latihan teori menurut jadual yang sesuai dan/atau secara fleksibel. Perantis dan pengajar disaran untuk berbincang bagi memastikan penjadualan mengikut keperluan dan kebolehpayaan masing-masing.

3. JIKA PERANTIS TIDAK DAPAT MENGIKUTI KELAS DALAM TALIAN DISEBABKAN KEKANGAN AKSES INTERNET YANG TIDAK STABIL, ADAKAH TERDAPAT SEBARANG ALTERNATIF YANG MEMBOLEHKAN PERANTIS MENDAPATKAN BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN?

Perantis perlu memaklumkan kepada pengajar mengenai kekangan yang ada dan perantis bersama pengajar boleh memilih mana-mana *platform* yang sesuai dengan kemudahan capaian dan akses para perantis. Ini termasuk menyediakan bahan dalam bentuk digital dan memuat naik bahan-bahan tersebut ke *platform* dalam talian, e-mel atau media sosial (Facebook, WhatsApps, Telegram dan sebagainya). Perantis juga boleh mohon kepada pengajar untuk dibekalkan bahan bercetak jika perlu.

4. PERANTIS MERASAKAN AGAK SUKAR UNTUK MEMAHAMI KAEDAH PEMBELAJARAN BAGI KURSUS YANG DIKUTI JIKA DIJALANKAN SECARA DALAM TALIAN. BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MENINGKATKAN PEMAHAMAN MELALUI KAEDAH INI?

Perantis mesti memainkan peranan sebagai *self directed learner* di mana perantis perlu memaklumkan kepada pengajar mengenai masalah yang dihadapi agar pengajar boleh mencari jalan yang terbaik dari masa ke semasa bagi memastikan pembelajaran dan pengajaran berjalan dengan baik kepada semua perantis.

5. BOLEHKAH PERANTIS KEMBALI SEMULA KE PUSAT LATIHAN DISEBABKAN RANGKAIAN INTERNET YANG TERLALU RENDAH DI RUMAH UNTUK MENGIKUTI PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DALAM TEMPOH PKP INI?

Perantis hanya dibenarkan kembali ke Pusat Bertauliah tertakluk kepada arahan tempoh penamatan PKP dan apa-apa arahan yang berkaitan oleh Kerajaan Malaysia dari masa ke semasa.

6. BAGAIMANA LATIHAN AMALI DI SYARIKAT SLDN BOLEH DIJALANKAN MEMANDANGKAN PERANTIS PERLU MENGHASILKAN BAHAN PRODUK SEBAGAI HASIL PROJEK UNTUK PENILAIAN KERJA KURSUS?

Perantis boleh meneruskan sesi latihan amali hanya jika ianya boleh dijalankan secara dalam talian dengan panduan daripada pengajar atau *coach*. Sekiranya tidak boleh diteruskan juga, pengajar dibenarkan untuk menjadualkan semula agar perantis diberi kerja kursus berkenaan selepas tempoh PKP dan tertakluk apa-apa arahan yang berkaitan oleh Kerajaan Malaysia dari masa ke semasa.

7. BAGAIMANA PERANTIS INGIN MENGETAHUI MENGENAI PERUBAHAN DAN PENGUBAHSUAIAN PEMBELAJARAN SESUATU KURSUS YANG TELAH DIBUAT SUSULAN PKP BAGI MENYEKAT PENULARAN WABAK COVID-19 INI?

Perantis boleh menghubungi Pusat Bertauliah atau pengajar yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat yang terkini.

8. ADAKAH LATIHAN DALAM TALIAN AKAN DITERUSKAN SETELAH PKP DITAMATKAN?

Berdasarkan Panduan yang disediakan latihan dalam talian adalah dibenarkan sepanjang tempoh PKP sahaja.

9. JIKA PKP TELAH TAMAT, ADAKAH PERANTIS DIBENARKAN UNTUK KEMBALI KE PUSAT LATIHAN BAGI MENERUSKAN LATIHAN YANG TIDAK BOLEH DILAKSANAKAN SECARA DALAM TALIAN?

Pelaksanaan latihan setelah PKP tamat adalah tertakluk kepada arahan Kerajaan Malaysia dan semua pihak yang terlibat juga perlu mematuhi arahan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, PDRM dan pihak berkuasa dari masa ke semasa.

10. ADAKAH PERANTIS DIBENARKAN MEMBUAT PENANGGUHAN LATIHAN DISEBABKAN MERASA SUKAR DENGAN SITUASI PKP DAN ANCAMAN COVID-19 INI.

Ya, perantis dibenarkan memohon penangguhan latihan tetapi masih tertakluk kepada Peraturan yang berkuatkuasa.

11. ADAKAH PERANTIS YANG MENDAPAT INSENTIF DIBENARKAN MEMBUAT PENANGGUHAN LATIHAN DISEBABKAN MERASA SUKAR DENGAN SITUASI PKP DAN ANCAMAN COVOD-19 INI,

Ya, perantis dibenarkan memohon penangguhan latihan tetapi masih tertakluk kepada Peraturan yang berkuatkuasa dan perjanjian yang telah ditandatangani.

12. ADAKAH PERANTIS PERLU TERUS MENGHADIRI LATIHAN DI PUSAT BERTAULIAH KE SETELAH PKP TAMAT?

Pelaksanaan latihan setelah PKP tamat adalah tertakluk kepada arahan Kerajaan Malaysia dan semua pihak yang terlibat juga perlu mematuhi arahan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, PDRM dan pihak berkuasa dari masa ke semasa. Pusat Bertauliah hendaklah memaklumkan kepada perantis berkenaan tarikh mula latihan selepas PKP tamat.

13. ADAKAH PUSAT BERTAULIAH(PB) BOLEH TERUS MENERUSKAN LATIHAN KEPADA PERANTIS SETELAH PKP TAMAT?

Pelaksanaan latihan setelah PKP tamat adalah tertakluk kepada arahan Kerajaan Malaysia dan semua pihak yang terlibat juga perlu mematuhi arahan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, PDRM dan pihak berkuasa dari masa ke semasa.

Keputusan untuk membuka semula sesi latihan hendaklah dibuat setelah PB benar-benar yakin keadaan telah kembali pulih. PB dinasihatkan untuk memberi keutamaan dalam aspek keselamatan, kebersihan, dan pengawalan penularan jangkitan termasuklah amalan penjarakkan sosial.

Pusat Bertauliah juga dinasihatkan untuk mengumumkan tarikh latihan sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum sesi latihan dimulakan

14. SAYA MERUPAKAN SEORANG PERANTIS DAN SEDANG MENJALANI LATIHAN SLDN DI SYARIKAT SEBELUM PKP. WALAUBAGAIMANAPUN KESAN DARI PKP, SAYA TELAH DIMAKLUMKAN SYARIKAT BERHASRAT UNTUK TIDAK MENERUSKAN LAGI LATIHAN SLDN. BAGAIMANA DENGAN STATUS LATIHAN SAYA DAN APA YANG PERLU SAYA BUAT?

Perantis hendaklah memaklumkan kepada pihak JPK maklumat mengenai nama Syarikat dan Pusat Latihan yang terlibat.

Secara umumnya Pusat Latihan hendaklah mendapatkan syarikat kerjasama baharu supaya anda boleh meneruskan latihan. Sekiranya tiada syarikat kerjasama yang bersesuaian latihan boleh ditamatkan dengan persetujuan bersama. Perantis boleh dinilai dan dianugerahkan Penyata Pencapaian (PC) bagi mana-mana *Competency Unit* yang telah selesai dibuat penilaian.

Perantis boleh menyambung semula latihan secara modular di mana-mana syarikat yang telah ditauliahkan dalam program yang sama pada masa akan datang.

15. SAYA ADALAH PEMILIK SEBUAH SYARIKAT YANG TERLIBAT DENGAN PROGRAM SLDN. PKP YANG BERPANJANGAN INI TELAH MENJEJASKAN PENDAPATAN SYARIKAT SEHINGGA TIDAK MAMPU LAGI UNTUK MENERUSKAN OPERASI SYARIKAT. INI JUGA MENGAKIBATKAN LATIHAN KEPADA BEBERAPA ORANG PERANTIS YANG SEDANG MENGIKUTI LATIHAN SEBELUM PKP TIDAK DAPAT DITERUSKAN. APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN KEPADA PERANTIS BERKENAAN?

Pihak syarikat boleh mengambil tindakan seperti berikut;

- i. Memaklumkan kepada Pusat Latihan kerjasama (jika berkaitan) dan perantis atas masalah yang dihadapi.**
- ii. Memaklumkan secara rasmi kepada JPK atas tindakan syarikat untuk tidak meneruskan pengendalian latihan kepada perantis.**
- iii. Pihak syarikat boleh mencadangkan syarikat lain jika ada, supaya perantis boleh meneruskan latihan.**
- iv. Menyelesaikan penilaian berterusan dan penilaian akhir bagi aktiviti modul yang telah diperantisi oleh perantis serta memastikan coach telah mengesahkan buku log setiap perantis.**
- v. Membantu Pusat Latihan dalam mengemaskini rekod penilaian bagi *Competency Unit* yang telah dinilai ke atas setiap perantis.**

16. SAYA SALAH SEORANG PERANTIS SLDN SEBUAH PUSAT LATIHAN MILIK SEBUAH PASARAYA. SEBELUM INI SAYA ADALAH SEORANG PEKERJA PASARAYA DAN TELAH DITERIMA UNTUK MENGIKUTI LATIHAN DI BAWAH PUSAT LATIHAN TERSEBUT. SEMASA DALAM PELAKSANAAN PKP INI KAMI DIARAHKAN BEKERJA SEPERTI BIASA. BAGAIMANAPUN KAMI TERPAKSA MENGAMBIL CUTI TANPA GAJI DALAM TEMPOH INI UNTUK KESELAMATAN DIRI SENDIRI SEDANGKAN KUMPULAN PERANTIS YANG BUKAN BERSTATUS PEKERJA DIBERI CUTI BERGAJI. KAMI MERASAKAN PERKARA INI TIDAK ADIL.

OLEH ITU KAMI MEMERLUKAN PENCERAHAN DARIPADA PIHAK TUAN, APAKAH KAMI SEBAGAI PEKERJA ATAU PERANTIS SEPANJANG TEMPOH LATIHAN INI DAN ADAKAH KAMI LAYAK DIBERI CUTI BERGAJI?

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) merupakan satu kaedah latihan yang dilaksanakan di dua tempat iaitu di Pusat Latihan bagi latihan teori dan di tempat kerja bagi latihan praktikal. Manakala perantis atau perantis adalah terdiri daripada kalangan pekerja sedia ada di syarikat atau lepasan sekolah.

Daripada keterangan tuan dapat difahami yang tuan adalah pekerja yang dipilih oleh majikan untuk mengikuti latihan di bawah SLDN. Semasa latihan ini tuan berstatus perantis, walaubagaimanapun tuan masih lagi seorang pekerja dan terikat dengan polisi serta peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh syarikat. Ini berbeza dengan perantis daripada kalangan lepasan sekolah yang bukan pekerja.

Sehubungan itu tuan dinasihatkan untuk merujuk kepada pihak pengurusan syarikat untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas mengenai syarat, faedah dan kelayakan tuan sebagai perantis SLDN.

PENILAIAN DAN PERSIJILAN

1. BOLEHKAH PERMOHONAN PENILAIAN AKHIR DAN LAWATAN VERIFIKASI PEGAWAI PENGESAH LUARAN DIKEMUKAKAN SEMASA TEMPOH PKP?
Tidak, permohonan melalui eSLDN telah ditutup sementara sehingga tamat tempoh PKP.

2. BAGAIMANAKAH DENGAN PENGISIAN BUKU LOG PERANTIS SEPANJANG TEMPOH PKP, ADAKAH MEREKA PERLU KOSONGKAN SELAMA TEMPOH PKP ATAU BAGAIMANA?
Buku log hanya dicatatkan semasa latihan praktikal, sekiranya latihan praktikal tidak berlaku sepanjang tempoh PKP ini, maka tiada apa-apa yang perlu dicatatkan.

3. ADAKAH PENILAIAN AKHIR YANG TELAH DIJADUALKAN ANTARA 18 MAC HINGGA 12 MEI ATAU DALAM TEMPOH PKP PERLU DIJADUALKAN SEMULA WALAUPUN PUSAT BERTAULIAH DAN PEGAWAI PENGESAH LUARAN (PPL) TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG MASALAH UNTUK TERUSKAN?
Ya. Semua pihak hendaklah mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan yang telah ditetapkan.